20 Julai, 1981

# DAP alu2kan kenyataan Musa

PULAU PINANG, Ahad — Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang mengalu-alukan jaminan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam yang dibuatnya dalam satu temuramah kelmarin bahawa Barisan Nasional akan menghormati keputusan pilihanraya umum jika pengundi mahukan kerajaan pembangkang.

Beliau juga berharap, pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Musa Hitam, akan mempastikan kempen-kempen pilihanraya umum dijalankan secara jujur, bersih dan demokratik serta mempastikan tidak berlaku percubaan dari mana-mana parti untuk menakutkan pengundi.

Encik Lim berkata demikian dalam majlis makan malam DAP cawangan Datuk Keramat di sini malam semalam.

Beliau seterusnya berharap, segala undang-undang pilihanraya akan dipatuhi serta mengenakan sekatan maksima kepada perbelanjaan pilihanraya.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia